

EUCARBON HERBAL TABLET 500MG

Carbo Ligni (Wood Charcoal), Extract of Rheum Palmatum Linne, Rheum Officinalis Baillon Root (Rhubarb Extract), Extract of Cassia Angustifolia Vahl Leaf (Senna Leaf)

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Eucarbon Herbal
2. Bagaimana Eucarbon Herbal berfungsi
3. Sebelum mengambil Eucarbon Herbal
4. Cara menggunakan Eucarbon Herbal
5. Semasa menggunakan Eucarbon Herbal
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan Pelupusan Eucarbon Herbal
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang
10. Pemegang Pendaftaran Produk
11. Tarikh Kemaskini RIMUP

Apakah kegunaan Eucarbon Herbal

Digunakan secara tradisi untuk melegakan sembelit, sakit perut dan kembung.

Bagaimana Eucarbon Herbal berfungsi

Bahan aktif yang terkandung di dalam Eucarbon Herbal. Arang sayuran berupaya untuk menyerap berbagai bahan metabolismik toksik yang kerap kali dikeluarkan oleh kesan julap daripada daun senna dan pati akar rhubarb. Kesan julap yang sederhana daripada Eucarbon Herbal bermula lebih kurang 8-10 jam selepas administerasi.

Dalam sekumpulan kecil pesakit yang menderita kerana sembelit seiring dengan sindrom usus (irritable bowel syndrome - IBS), penggunaan Eucarbon Herbal menunjukkan keputusan yang positif.

Sebelum mengambil Eucarbon Herbal

Bila tidak boleh mengambil

- Jika anda ada alahan (hipersensitif) kepada daun senna, pati rhubarb, arang atau bahan-bahan lain daripada Eucarbon Herbal

- Jika anda ada:
 - Halangan usus
 - Keradangan usus
 - Sakit perut yang tidak dapat dikenali
 - Gangguan teruk daripada keseimbangan air dan mineral
 - Disyaki ulcer gastrik atau usus
 - masalah appendiks bengkak

Pemeriksaan yang teliti mesti diambil jika anda mempunyai kesan diatas

Tidak boleh diambil oleh kanak-kanak di bawah umur 12 tahun.

Sebelum mula mengambil

Tanya doktor atau ahli farmasi untuk nasihat sebelum mengambil apa apa ubat. Eucarbon Herbal tidak boleh diambil ketika mengandung dan menyusukan anak.

Satu tablet mengandungi 65mg kandungan gula dan boleh diambil oleh pesakit kencing manis. Jika anda mengalami masalah tidak bertolensi (tindak balas) dengan pengambilan gula, hubungi doktor anda sebelum mengambil Eucarbon Herbal.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda mengambil atau baru-baru ini mengambil ubatan lain, termasuk ubatan yang diperolehi tanpa prekripsi.

Jika anda mengambil ubat untuk jantung: Dalam kes hypokalemia (rendah potassium dalam darah) kesan daripada sebahagian ubat jantung (cardiac glycosides) mungkin bertambah.

Cara menggunakan Eucarbon Herbal

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa:
Sembelit – 2 tablet 3 kali sehari

semasa atau selepas makan dengan sedikit cecair
Kembung – 1 atau 3 tablet sehari
Kanak-kanak melebihi umur 2 tahun – $\frac{1}{2}$ daripada dos orang dewasa

Tidak boleh melebih dos maksima 8 tablet sehari.

Bila perlu digunakan

Tablet Eucarbon Herbal mesti diambil bersama dengan cecair yang banyak (sekurang- kurangnya satu gelas air)

Pengambilan Eucarbon Herbal bersama makanan dan minuman- Eucarbon Herbal boleh diambil ketika dan selepas makan.

Berapa lama perlu digunakan

Tidak boleh diambil jika sakit perut, loya dan muntah-muntah.
Pengambilan berpanjangan penyediaan ini penyediaan ini menyebabkan pergantungan terhadap produk dan ketidakseimbangan elektrolit.

Jika terlupa menggunakan

Jangan ambil dos berganda untuk mengganti dos yang terlupa diambil

Jika anda mempunyai soalan lain tentang penggunaan produk ini, sila bertanya doktor atau ahli farmasi.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Cirit birit mungkin berlaku jika terlebih dos. Dalam kes ini kurangkan dos dan berhenti mengambil Eucarbon Herbal.

Semasa menggunakan Eucarbon Herbal

Perkara yang perlu dilakukan

- Jika masalah berpanjangan atau rawatan tidak berjaya, beritahu doktor secepat mungkin

EUCARBON HERBAL TABLET 500MG

Carbo Ligni (Wood Charcoal), Extract of Rheum Palmatum Linne, Rheum Officinalis Baillon Root (Rhubarb Extract), Extract of Cassia Angustifolia Vahl Leaf (Senna Leaf)

- Jika anda menjadi hamil, hubungi doktor anda dengan segera.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Dos yang perlu diambil mungkin berbeza antara individu. Jangan ambil Eucarbon Herbal untuk tempoh yang lama (melebihi 1-2 minggu) tanpa disuruh oleh doktor.

Perkara yang perlu diberi perhatian

Eucarbon Herbal tidak sesuai untuk menguruskan badan.

Jika digunakan untuk tempoh yang panjang, melebihi 14 hari, keberkesaan mungkin berkurangan.

Kesan-sesan sampingan

Seperti kebanyakan ubat, Eucarbon Herbal boleh memberi kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mendapatnya. Sekiranya kesan sampingan semakin serius atau anda mengesyaki kesan tersebut tiada di dalam risalah ini, tolong beritahu doktor atau ahli farmasi.

Dalam kes-kes tunggal sakit perut dan cirit birit ada berlaku, dalam kes yang jarang (kurang daripada 1 orang dalam 10000) loya atau muntah-muntah - ini mungkin tanda terlebih dos.

Kes julap yang lain, banyaknya dos yang diambil pada masa yang panjang mungkin menyebabkan kehilangan garam mineral, terutama potassium, yang mengurangkan pergerakan usus. Ini mungkin mengakibatkan lemah otot dan sembelit kerana terhadnya aktiviti usus.

Sekali sekala air kencing bewarna kemerah-merahan mungkin dialami disebabkan reaksi alkali. Ini tidak perlu dibimbangkan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers

ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-7883 5550, atau laman web portal.bpfk.gov.my (Consumers → Reporting).

Cara penyimpanan dan Pelupusan Eucarbon Herbal

Penyimpanan

Jauhi dari jangkauan dan penglihatan kanak kanak.

Simpan dalam bungkusan asal untuk melindungi produk daripada cahaya.

Jangan guna produk perubatan selepas tarikh luput "EXP" yang tertera di luar karton. Tarikh luput merujuk kepada tarikh akhir dalam bulan tersebut.

Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupus melalui air kumbahan atau air kediaman. Tanya ahli farmasi cara melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah ini dapat menolong melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

Rupa dan warna produk

Kelabu kehitaman, silinder, tablet biconvex, diameter: 11.6mm, ketebalan: lebih kurang: 5.6mm.

Bahan-bahan kandungan

Bahan Aktif:

Carbo Ligni (Wood Charcoal): 180.00 mg

Pati Rheum Palmatum Linne: 25.00 mg

Akar Rheum Officinalis Baillon (Pati Rhubarb)

Pati Daun Cassia Angustifolia Vahl (daun senna) : 105.00 mg

Bahan tidak aktif:

Minyak pudina, minyak fennel, jagung kanji, Bolus Alba, Gam Arab, Sukros, Talkum.

Nombor MAL:
MAL05072134TCR.

Pengilang

PHARMAZUTISCHE FABRIK
MONTAVIT GESMBH
SALZBERGSTRÄBE 96 A-6060
Absam
AUSTRIA.

Pemegang Pendaftaran Produk

Antah Pharma Sdn Bhd
No. 3, Jalan 19/1
46300, Petaling Jaya,
Selangor.

Tarikh kemaskini RIMUP

18 Julai 2013.